

SARJANA TIRAI BESI

Husin, 30, dijatuhi hukuman penjara sepanjang hayat ketika berusia 14 tahun. Seksaan itu bukan sekadar menginsafkannya, malah mengubah dirinya daripada

Mengenal syahadah, menambah barai dalam

LAPORAN Harian Metro, semalam.

SUSULAN SARJANA TIRAI BESI

Hak untuk berjaya

Oleh Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

“**S**etiap individu itu mempunyai hak untuk berjaya dalam hidup walaupun kadangkala mereka jatuh.

“Jatuh sekali tidak bermakna selama-lamanya begitu,” kata Pakar sosial yang juga Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan muka depan Harian Metro semalam mengenai seorang banduan buta huruf yang menjalani hukuman penjara ketika berusia 14 tahun kini bergelar siswa yang menyambung pengajian universiti di peringkat sarjana dari dalam tirai besi.

Mohammad Shatar berkata, apa pun yang menimpa diri, ia tidak boleh dijadikan alasan bergerak maju dan masyarakat juga tidak boleh menghalang hak seseorang untuk mencapai kejayaan dalam hidup mereka tidak kira tergolong dalam ke-

lompok mana sekalipun.

Katanya, masyarakat juga perlu mengubah fikiran setiap manusia yang pernah melakukan kesilapan besar dalam hidup berhak untuk diberi peluang bagi memperbaiki diri.

“Kita perlu mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada mereka yang mempunyai niat untuk meneruskan hidup walaupun pernah jatuh sekali atau beberapa kali kerana pada dasarnya dalam dunia ini, kita tidak boleh menghalang hak individu lain untuk berjaya

walaupun datang dari kelompok mana sekali pun.

“Masyarakat perlu memberi peluang kepada mereka untuk mengubah hidup mereka,” katanya ketika dihubungi Metro Ahad, di sini, semalam.

Dalam kisah kejayaan Husin, 30 (bukan nama sebenar), dia menjalani hukuman penjara sepanjang hayat tanpa tarikh bebas berikutan melakukan pembunuhan tanpa niat ketika berusia remaja.

Sepanjang tempoh 16 tahun dipenjarakan setakat ini, dia memperoleh keputusan cemerlang peperiksaan.

FAKTA

Masyarakat tidak boleh halang individu memperbaiki diri